

TARIKH	27 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Tak cadang minta ganti rugi

» *Malaysia akur keputusan Arab Saudi, visa hanya diurus Tabung Haji*

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
mnasaruddin@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia tidak bercadang menuntut ganti rugi terhadap kerajaan Arab Saudi berikutan keputusan Riyadh mahu mengurangkan kuota jemaah haji sehingga 20 peratus tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata langkah itu diambil berikutan negara ini mempunyai sistem pengurusan haji yang berbeza dan kukuh.

Katanya, hanya satu badan tunggal iaitu Tabung Haji (TH) bertanggungjawab menge-

luarkan visa haji, bukan menerusi khidmat pelbagai agensi.

"Malaysia ada sistem (pengurusan haji) kukuh. Tidak seperti negara lain di mana visa dikeluarkan kepada pelbagai agensi. Dari segi pengawalan (pengeluaran visa) itu susah sikit," katanya selepas

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan TH berjumlah RM4.27 juta kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di sini, semalam.

Belum kemuka dokumen

Katanya, pendekatan berkenaan juga diambil berikutan Riyadh sehingga kini masih belum mengemukakan dokumen hitam putih berhubung kuota sebenar jemaah haji Malaysia.

"Kuota Haji hak mutlak kerajaan Arab Saudi, selagi mereka belum mengeluarkan hitam putih kuota yang sebenar, kita tak boleh bergerak melebihi landasan.

"Semuanya (kuota Haji Malaysia) diputuskan melalui kerajaan kepada kerajaan. Pendekatan Tabung Haji saban tahun, apabila selesai (jumlah

kuota hitam putih (dikeluarkan Arab Saudi), baru kita maklumkan kepada jemaah kita," katanya.

Sebelum ini, Arab Saudi mengumumkan pengurangan kuota Haji kepada jemaah dari seluruh dunia ekoran kerjasama pembesaran kawasan tawaf di sekitar Kaabah.

Ekoran keputusan itu, pemerintah Indonesia dilaporkan menuntut ganti rugi Arab Saudi berikutan agensi pengurusan haji republik itu sudah membuat tempahan awal untuk penginapan dan makan minum jemaah.